

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan punca Petronas tidak melunaskan bayaran Cukai Jualan yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak 5 peratus sedangkan pemain industri yang lain telah membayar cukai yang berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, isu berkaitan minyak dan gas adalah kompleks dan melibatkan banyak pihak berkepentingan. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Disember 2018 memutuskan supaya ianya dibincangkan dalam satu forum berasingan. Dalam hal ini, dua Forum Berasingan (*Separate Forum*) telah dibentuk yang dipengerusikan secara bersama antara YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sarawak (bagi isu berkaitan Sarawak) dan YAB Ketua Menteri Sabah (bagi isu berkaitan Sabah).

2. Skop forum berasingan ini merangkumi tiga (3) perkara iaitu:-

- (i) Bayaran tunai atau Royalti;
- (ii) Perbincangan komersial / *Business-to-Business* (B2B); dan
- (iii) Cukai Jualan Produk Petroleum.

3. Mesyuarat Pertama Forum Berasingan untuk negeri Sarawak yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sarawak telah diadakan pada 16 Mei 2019. Mesyuarat antara lain mencadangkan supaya PETRONAS dan PETROS mengemukakan satu kertas cadangan berhubung pendekatan terbaik sebagai model penyelesaian komersial untuk menampung pulangan hasil Kerajaan Negeri Sarawak.

4. Sementara itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Julai 2019 bersetuju bahawa isu berkaitan petroleum akan dibincang dan diputuskan secara bersama antara YAB Perdana Menteri dan kedua-dua Ketua Menteri.

5. Keputusan daripada perbincangan antara ketiga-tiga pemimpin ini akan menjadi asas untuk meneruskan perbincangan termasuk mengenai pelaksanaan *State Sales Tax* atau Cukai Jualan Negeri (SST) terhadap jualan produk petroleum yang dieksport keluar dari negeri Sarawak. Di atas perkembangan tersebut, PETRONAS masih belum membuat pembayaran cukai jualan 5 peratus yang dikenakan ke atas jualan produk petroleum yang dieksport keluar dari negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.